



**SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

BILANGAN: 19 / 2021

Kepada:

Pemilik-Pemilik / Tuan-Tuan Punya Bangunan, Dan Pengurus-Pengurus Premis Perniagaan dalam kawasan Perbandaran Bandar Seri Begawan.

**KENYATAAN MEDIA
YANG BERHORMAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II
SELAKU Pengerusi BERSAMA JAWATANKUASA PANDU COVID-19**

Dengan hormatnya sukacita merujuk perkara di atas yang disampaikan pada Sidang Media Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam pada 24 Safar 1443 bersamaan 01 Oktober 2021.

2. Dimaklumkan bahawa bermula pada hari Isnin, 04 Oktober 2021 sehingga hari Ahad, 17 Oktober 2021, orang ramai adalah disarankan dan diperlukan untuk berada di tempat tinggal masing-masing pada setiap malam daripada jam 8.00 malam hingga 4.00 pagi untuk mengurangkan pergerakan serta risiko penularan jangkitan COVID-19 dan pengecualian hanya diberikan atas urusan-urusan kecemasan mendesak atau menjalankan kerja sebagai petugas kritikal (*critical frontline workers*) sahaja.

3. Dalam hubungan ini, sukacita Pengiran/Tuan/Puan akan dapat mengambil perhatian dan tindakan mengenai perkara ini yang berkaitan dengan tempoh beroperasi premis perniagaan milik Pengiran/Tuan/Puan.

Sekian disampaikan untuk perhatian dan tindakan semua.

*"Bersama Kita Cemerlangkan Bandar Seri Begawan"
"Sunnah Rasulullah, Suluh Kehidupan"*

[AMINUDDIN BIN HAJI BUNTAR]

Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan

Rujukan : MB/29/99

Tarikh : 25 Safar 1443 / 2 Oktober 2021